

Persidangan perniagaan, AIBC ke-4 2020 di UMSKAL diadakan secara dalam talian

UB 16.12.2020 P.2

Oleh Sufiah Mat Salleh

KOTA KINABALU: Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan The Applied International Business Conference (AIBC) yang keempat pada 9 hingga 10 Disember 2020 melalui platform Cisco Webex.

Disebabkan tepat pada masa itu, AIBC yang juga adalah persidangan dwitarikh bertujuan untuk mewujudkan suasana dan forum untuk para sarjana dan para peniaga untuk membuat rancangan, berkongsi maklumat dan bertukar idea mengikut tema persidangan.

Dalam keadilan pandemik COVID-19 memberi kesan ketara kepada semua negara dan sektor industri, tema yang dibawakan pada persidangan berkenaan ialah 'Analisis Perniagaan dan Ekspektasi Pasaran' yang membahas pelbagai cabaran yang berkaitan dengan bagaimana mengejar perniagaan, menyebarkan informasi dan memudahkan pengertian di antara pihak berkepentingan.

AIBC 2020 ke-4 an-

juruh bersama China




Construction Bank Labuan Branch (CCBL) dikendalikan oleh Profesor Datuk Dr. Tausiq Yap Yun Hin, FASc, Naib Canselor UMS.

Menurut Pengurus Bersemasa persidangan itu, Prof Nadya Dr Geoffrey Harvey Tenakinal, persidangan berkenaan terdiri daripada dua bahagian iaitu persidangan doktorial dan kertas kajian daripada pelbagai penulis.


Katanya, pada persidangan doktorial, panel pelajar pascasiswazah membentangkan, berkongsi, dan menyebarkan topik penyel

ikan mereka untuk menerima maklum balas, cadangan dan pandangan yang membina untuk kemajuan penyelidikan mereka manakala mengenai kertas kajian, AIBC 2020 telah menerima dan menganjurkan 50 artikel daripada 60 artikel yang diterima.

Kertas kajian berkenaan menangkumi pelbagai subjek termasuk tujuan pembangunan lestari, pemikiran semula untuk era teknologi moden, pendidikan teknologi, ekonomi digital, pelancangan lestari, fintech, pelaburan modal insan, psikologi dan pemrosesan,



• Screenshot: AIBC 2020. Photo: Dr Mohd Azlan



PERSIDANGAN: Panel speaker AIBC 2020 yang diadakan secara dalam talian.

kewangan hijau, pengurangan kemiskinan, ekonomi dan kewangan dan perbankan dan kewangan Islam.

Dalam pada itu, Naib Presiden Kanan CCBL, Alvin Hua Jianan Kwang menyayari bahawa kemitmen universitatan industri untuk membina negara 'Beyond Banking' dalam persekitaran lockdown, lebih kritis daripada sebelumnya dan sebagai bank global, CCBL telah mengikuti era perbankan yang baru sesuai dengan persidangan kali ini.

Katanya, strategi utama untuk mengubah portfolio

projek menjadi ekosistem SMART, termasuk taman industri, kampus, kemandirian perubatan dan halal, memainkan peranan penting dalam CCBL.

Tiga panel speaker berkongsi kepahaman dan wawasan mereka mengenai tema perniagaan, iaitu dari Fakulti Pengkomputeran & Informatik UMS, Dr Rayner Alfred, Pengasas dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan Amanie yang kini Presiden Universiti Sultan Antarabangsa Malaysia (UJAM), Datuk Dr Mohd Daud Bakar dan Presiden dan Dekan Asia School of Business, Professor Charles

H. Fine.

Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Profesor Madya Dr Mohamed Rizal Abdul Hamid turut hadir dalam persidangan berkenaan.

Selain itu, Pengarah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Profesor Dr Juslang Azlan Gansau, berharap persidangan dapat membuka jalan untuk kerjasama serantau dan antarabangsa yang lebih mantap dan akan mengukuhkan matlamat dan aspirasi penyelidikan dalam pelbagai disiplin ilmu yang berkaitan turut kebaikan semua.



Prof. Dr. Tausiq Yap Yun Hin
Vice-Chancellor Universiti Malaysia Sabah

TAUSIQ TAP